



PADA masa ini, orang yang mencari pekerjaan perlu memohon dengan syarikat berkenaan atau syarikat agensi. pekerjaan tertentu. Namun, data ini hanya diperolehi oleh syarikat tertentu dan tidak akan dikongsi dengan syarikat lain yang memerlukan pekerja.

Ini menyebabkan mereka yang berkelayakan mungkin terlepas mendapat peluang pekerjaan tertentu kerana tidak mengetahui mengenai kekosongan pekerjaan yang ditawarkan oleh syarikat atau agensi pekerjaan ini.

Begitu juga dalam soal pendidikan. Pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) perlu membuat permohonan melalui Unit Pusat Universiti (UPU) untuk memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan terpaksa memohon ke setiap universiti atau kolej swasta sekiranya ingin menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Masalah ini berlaku kerana tidak ada satu platform yang berfungsi sebagai pangkalan data yang menyimpan maklumat mengenai golongan ini.

Melihat pada lompong tersebut, seorang anak kelahiran Benta, Pahang, Ismawi Ishak, 37, mengasaskan Profilhub.com (Profilhub) iaitu sebuah portal jaringan dalam talian (online) bagi membolehkan setiap individu dari seluruh dunia menyerlahkan kepakaran, pengalaman, pencapaian serta sumbangan mereka yang boleh digunakan untuk empat tujuan.

Empat tujuan ini merupakan fokus utama portal jaringan tersebut iaitu penempatan kepakaran atau pekerjaan, pendidikan, urusan perniagaan dan urusan profesional antara individu dengan individu lain.

Profilhub merupakan platform yang menghimpunkan semua data individu dari peringkat sekolah menengah hingga ke atas. Sama seperti laman web rangkaian sosial termasuk Facebook dan Twitter, Profilhub ditawarkan secara percuma dan boleh diakses oleh orang ramai mulai hari ini.

Portal jaringan itu boleh digunakan oleh pelajar sekolah menengah untuk menonjolkan kelebihan mereka bagi mendapatkan surat tawaran awal daripada universiti. Ia juga boleh digunakan oleh pelajar universiti untuk berhubung dengan profesor sebagai penyelia tesis ijazah kedoktoran (Ph.D). Juga oleh



TEKNO

Serlahkan kepakaran anda di Profilhub.com

Kalau kita teliti kaedah ini, sebenarnya kita pusingkan pendekatan itu. Hari ini saya hendak cari kerja, saya kena berhubung dengan organisasi untuk cari kerja.



ISMAWI menunjukkan cara menggunakan Profilhub.com yang mengambil masa singkat sahaja untuk mendaftar.

graduan atau mereka yang sudah bekerja untuk mencari pekerjaan.

Secara tidak langsung, ia boleh membantu mencapai objektif Pelan Pengukuhan Jaringan Universiti-Industri-Masyarakat yang dilancarkan pada 2010 dan Graduate Employability Blueprint yang dilancarkan pada 2012.

Kerjasama

Individu yang mempunyai perniagaan atau golongan profesional juga boleh berhubung dengan individu lain untuk

mencari atau menjalankan kerjasama dalam perniagaan atau bidang-bidang profesional.

Menurut Ismawi, portal jaringan yang dibangunkan beliau sejak 2012 itu merupakan yang pertama seumpamanya di Malaysia. Katanya, berbanding kaedah yang digunakan pada masa ini iaitu individu perlu berhubung dengan organisasi sama ada ingin memohon pekerjaan atau melanjutkan pengajian, Profilhub menggunakan pendekatan sebaliknya.

"Kalau kita teliti kaedah ini, sebenarnya kita pusingkan pendekatan itu. Hari ini saya hendak cari kerja, saya kena berhubung dengan organisasi untuk cari kerja. Kita pusingkan pendekatan kepada organisasi cari orang untuk kerja atau orang mendaftar sebagai individu cari orang lain untuk perniagaan," ujarnya.

Untuk mendaftarkan diri mereka dalam Profilhub, orang ramai cuma perlu mengisi beberapa maklumat ringkas

dengan mereka.

Ismawi berkata, di Profilhub, data peribadi adalah selamat kerana pihak yang ingin berhubung dan mendapatkan maklumat tersebut perlu mendapatkan kebenaran daripada individu berkenaan.

Katanya, di samping itu, pihak beliau menggunakan sistem *firewall* tertinggi untuk melindungi data-data daripada digodam atau dicuri oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan portal jaringan itu turut mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 bagi menjamin privasi pengguna laman web itu.

Menurut Ismawi, pihaknya menyasarkan 100,000 orang akan mendaftar di Profilhub untuk tempoh enam bulan pertama. Namun, katanya, dalam fasa awal ini, mungkin ada beberapa perkara perlu ditambah baik dan pihaknya mengharapkan maklum balas daripada pengguna portal jaringan itu.

"Kami juga akan melancarkan portal jaringan ini dalam bentuk mudah alih dan aplikasi yang boleh dimuat naik secara percuma di Google Play bagi pengguna Android dan App Store bagi pengguna iPhone dan iPad dalam masa terdekat," ujar pemegang ijazah sarjana muda dalam bidang pembangunan sumber manusia dari Universiti Putra Malaysia (UPM) itu.

Ismawi mempunyai impian melihat Profilhub yang dibangunkannya dengan bermodal pinjaman peribadi daripada bank itu mampu berkembang maju seperti Facebook suatu hari nanti. Mungkin, hasrat anak tempatan itu boleh menjadi kenyataan sekiranya terdapat badan atau syarikat yang sedia bekerjasama untuk melabur bagi membangunkan dan memajukan Profilhub ke fasa seterusnya.



ISMAWI ISHAK

seperti nama, jantina, alamat e-mel, nombor telefon, kelulusan, serta pengalaman dan menyatakan mereka dalam kategori istimewa sekiranya daripada golongan kelainan upaya (OKU). Mereka boleh memilih untuk menyembunyikan maklumat-maklumat yang tidak ingin dikongsi dengan orang lain di dalam portal jaringan itu.

Profil

Selepas itu, mereka cuma perlu membuat ringkasan profil mengenai kepakaran, pencapaian serta sumbangan mereka kerana ini yang akan ditonjolkan untuk menarik perhatian individu atau organisasi yang ingin berhubung dengan mereka. Maklumat ini akan digunakan sebagai kata kunci carian oleh organisasi atau individu yang ingin berhubung